

# Beribadah Dalam Islam

(Oleh: Yaakob Ismail – Kaherah)

Yang dimaksudkan dengan ibadah itu: ialah tiap-tiap perkara yang diredai oleh Tuhan: maupun merupakan secara perkataan atau pun perbuatan. Zahir atau batin. Dari sini nyatalah bahawa amal ibadah itu tidaklah tertentu di dalam satu-satu sudut, seperti sembahyang sahaja umpamanya. Malah ibadah meliputi di dalam bermacam-macam segi amalan seperti menyuruh berbuat baik dan melarang daripada mengerjakan yang munkar, berjihad untuk menegakkan ideologi Islam di muka alam ini, cintakan Allah dan Rasul-Nya, bersifat dengan kasihan belas kepada sesama manusia terutama kepada jiran tertangga, anak yatim, dan fakir miskin, juga kepada makhluk-makhluk yang lain dan lain-lain lagi.

## Asas Ibadah

Ibadah adalah merupakan sebagai suatu sifat kerohanian yang timbul dari perasaan khusyuk tawaduk dan cinta kepada Allah dan Rasul-Nya, maka dan kedua-dua sifat ini adalah menjadi asas penting bagi segala amal ibadah yang telah dan akan dilakukan oleh manusia kerana dengannyalah membawa manusia kepada sifat-sifat yang mulia di sisi Allah seumpama: Orang yang bertaqwa (*muttaqūn*), orang yang soleh (*sāliḥūn*) dan *awliyā'* dan sebagainya.

Oleh sebab itu kalau tidak dilaksanakan dua anasir ibadah yang tersebut tadi, maka dianggap amalan yang dilakukan oleh seseorang itu belum sempurna dan belum sampai kepada hakikat keimanan yang diperintah oleh Allah

dan Rasul-Nya. Junjungan Besar kita sentiasa memohon kepada Tuhannya dalam doanya yang berbunyi: *“Allāhummar zuqnī ḥubbaka wa ḥubba man yuḥibbuka wa ḥubba amali yuqranāt ilā ḥubbuka wāj‘al ḥubbuka uḥibbu ilaynā min al-mā’a al-bārid”*

Yang bererti:

“Wahai Tuhanku!! berilah limpah kurnia cinta-Mu terhadap aku dan kepada mereka yang cintakan Engkau, dan cintakan amalan yang boleh menyampaikan daku kepada cinta-Mu dan jadikanlah cinta-Mu itu lebih kasih kepada kami daripada air yang sejuk”

Sabdanya lagi: *“Thalatha man kun fīhi wajdi halawaṭa al-īmān. An yakūna Allah warasūluhu uḥibbu ilayhi mimāsūhumā .....al-akh”*

Maksudnya:

“Tiga perkara, siapa-siapa yang melakukan ketiga-tiganya nescaya ia dapati kemanisan berimana: (1) Orang yang kecintaannya kepada Allah dan Rasul-Nya melebihi dari kecintaan kepada selain keduanya.....hingga akhir hadith”.

## Ibadah Merupakan Menjunjung Perintah

Ibadah adalah suatu kewajipan seorang hamba terhadap Tuhannya. Hukumnya diwajibkan amalan ibadah itu ialah untuk menyedarkan manusia. Bahawa tabiat asal kejadiannya memang lemah dan hina tak kuasa melaksanakan segala kehendak dan cita-citanya melainkan dengan pertolongan Tuhannya yang Maha Kuasa. Dan dengan adanya amalan ibadah

itu manusia dapat melahirkan sifat kehambaan terhadap Tuhannya yang Maha Esa, kerana sekiranya dalam melakukan amalam ibadah itu semata-mata bertujuan untuk membersihkan jiwa dan budi pekertinya tidak kira menjunjung perintah Tuhan yang diwajibkan ke atasnya, hanya sia-sia sahaja amalannya itu. Dan tetap tidak mendapat sanjungan dan penerimaan dari Tuhan.

### **Ibadah Suatu Perkara Tabi'i**

Semenjak seribu tahun yang silam seorang ahli sejarah bangsa Greek yang masyhur bernama "Plutarch" telah memberi pendapatnya "Bahawa di mana ada negeri belum tentu di sana ada bandar dan kota, dan di mana ada bandar dan kota juga belum tentu di sana ada bangunan-bangunan istana dan mahligai-mahligai yang menghiasinya. Tetapi di mana ada manusia maka di sana tetap ada tempat-tempat beribadat kepada Tuhannya". Dari sini nyatalah bahawa amal ibadah itu adalah sesuatu perkara tabi'i bagi jiwa manusia untuk menyatakan ketaatannya kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*.

### **Manusia Telah Terpesong**

Tetapi cara untuk melakukan ibadah itu telah membawa kepada beberapa golongan manusia tergelincir dan terpesong dari garisan-garisan yang sebenarnya dan dari apa yang diperintah oleh Allah, sebagaimana terdapat di dalam sesetengah golongan manusia ada yang menyembah api, iaitu golongan Majusi, ada yang menyembah air iaitu golongan *Halbāniyyah*, ada yang menyembah binatang, kuda dan lembu, ini terdapat dari golongan masyarakat orang-orang Mesir di zaman purbakala dan dalam masyarakat orang India sehingga ke hari ini. Dan ada pula yang menyembah berhala sebagaimana terdapat di kalangan penduduk-penduduk India dan lain-lainnya. Angka bilangan berhala yang disembah di sana meningkat

ke puncaknya di dalam abad keenam (Masihi) dan sampai ke abad yang kedua puluh ini bilangannya bertambah kepada 230 *million* buah.

Semenanjung Arab di zaman jahiliyyah dahulu (sebelum Islam) menurut kata Ibn Ishāq di dalam tiap-tiap sebuah rumah didapati ada sebuah berhala yang disembahnya, jadi tidaklah hairan kalau semasa junjungan kita menakluki Kota Mekah dahulu, didapati di sekitar penjuru Ka'abah ada sebanyak 360 buah berhala dan semuanya itu telah pun dihancurkan oleh Baginda sambil membaca sepotong ayat "*Jā'a al-Haq wazahaqa al-bāṭil al-bātil kāna zuhūqā*" yang ertinya:

"Yang hak telah mendatang dan yang batil telah pun lenyap, sesungguhnya yang hak (benar) meleyapkan yang batil (salah)"

Kerana itu salah satu daripada hikmahnya yang besar diutus rasul-rasul ke semesta alam ini ialah untuk memberi tunjuk ajar dan contoh tauladan yang baik dan menyatakan kepada manusia jalan-jalan yang betul dan lurus untuk berbakti kepada Allah.

### **Ibadah dan Penyelidikan**

Di sana kedapatan beberapa perbezaan jauh tentang melakukan ibadah-ibadah di antara alim ulama dan manusia-manusia yang masih diselaputi oleh kejahilan, kerana ibadah alim ulama itu bukan sahaja merupakan dengan secara penuturan lidah sahaja. Bahkan di samping itu pemikirannya adalah turut sama berjalan melalui teori-teori di sekitar alam raya ini. Kalau ahli-ahli sains bertujuan di dalam hasil penyelidikan dan kajiannya hendak menunjukkan dalil-dalil bagi wujudnya Tuhan semesta alam ini dan hendak membongkar rahsia-rahsia

kejadiannya yang membuktikan keagungan penciptanya, maka kita anggap dan akui bahawa usaha-usaha yang dilakukannya itu adalah merupakan suatu amal ibadah dan bakti yang besar kepada Tuhannya di samping memberi erti dan perkhidmatan yang baik kepada manusia. Dan dari situ menambahkan lagi keimanan dan kepercayaan mereka terhadap Allah.

### **Apakah Perhubungan Ibadah dengan Masyarakat**

Andai kata boleh kita perkatakan, hasil yang timbul dari suruhan melakukan amal ibadah itu ternyata sekali di dalam bidang hidup manusia dan masyarakat terdapat sifat keadilan. Tercipta semangat bergotong-royong dan sifat cinta-mencintai di antara satu sama lain dan sebagainya.

Kalau umat Islam benar-benar patuh terhadap Tuhannya serta keikhlasan di dalam melakukan amal ibadahnya. Nescaya di sana dapat didirikan sebuah masyarakat Islam yang adil dan sempurna.

Tetapi malangnya di hari ini seringkali pula kita mendengar berlakunya perkara tipu-menipu, zalim-menzalimi, dalam golongan masyarakat orang Islam sendiri. Apakah sebab-sebabnya.....? Tak payahlah saya huraikan dengan panjang lebar, tetapi saya yakin dan percaya timbulnya perkara yang tidak diinginkan ini adalah dari golongan manusia-manusia yang masih diselaputi oleh kejahilan dan buta huruf. Kita sangat-sangat menyesali sikap yang sedemikian rupa kerana dengan itu kelak akan membahayakan kedudukan umat Islam seluruhnya.

Ibadah menjadi makanan bagi roh manusia yang hidup sebagaimana jasad berkehendakan makanan-makanan

dari benda-benda yang berzat. Kerana itu peladang-peladang yang bercucuk tanam dengan usaha tenaganya tidak lain ialah untuk faedah terhadap dirinya sendiri. Begitu juga halnya alim ulama telah mengorbankan tenaganya kepada manusia dengan ilmu pengetahuannya untuk menjadi makanan rohani di samping mencari keredaan Allah dan Rasul-Nya.

---

(Sambungan daripada muka 27)

### **Langit Tidak Menghujankan emas**

Sewaktu Saiyidina Umar ibn Khattab memasuki masjid, pada suatu hari dilihatnya banyak orang menganggur tak mahu mencari kerja, hanya duduk-duduk beribadah di masjid sahaja. Mereka telah ditengking dan dipukul dengan tongkatnya disuruhnya supaya mencari kerja, dan ditanyainya salah seorang dari mereka dengan katanya: “Siapakah yang menanggung sara hidupmu?” Jawab orang itu “Saudara saya yang menanggung saya.”

Maka Saiyidina Umar pun berkata: Saudaramu rupanya. Dialah yang lebih kuat ibadahnya daripadamu.”

Saiyidina Umar meneruskan lagi kata-katanya: “Janganlah seseorang kamu menganggur tak mahu mencari rezeki – hanya berdoa sahaja Ya Allah kurniakan saya rezeki – pada hal kamu tahu, bahawasanya langit itu tidak akan menghujankan emas mau pun perak.”



(Sambungan dari muka 10)

“Katakanlah kepada al-Mansūr bahawa saya tidak bersedia datang ke Baghdād.”

Mendengar kerasnya pendirian Abū Muslim itu, diucapkanlah kata-kata penghabisan, yang kiranya menggerakkan hati dan fikiran Abū Muslim yang diperolehnya atas ajaran al-Manşūr:

“Wahai tuan hamba Abū Muslim! Bukankah tuan hamba ini telah menjadi kepercayaan Banī ‘Abbās keturunan Rasulullah? Ingatlah tuan hamba dan insafilah, janganlah tuan hamba memulai menderhaka, lebih baik dengan segera tuan hamba datang menghadap ke Baghdād. Mohonkanlah maaf dari *Amīr al-Mu‘minīn* atas terlanjurnya tuan hamba. Kalau tuan hamba datang, tuan hamba akan melihat sendiri bagaimana cintanya khalīfah kepada tuan hamba.”

Abū Muslim menjawab: “Kenapa engkau berkata begitu?”

Kata utusan itu pula: “Wahai tuan hamba! bukankah tuan hamba mengajak kami setia kepada Banī ‘Abbās? Bukankah tuan hamba yang berkata, barangsiapa yang melawan Banī ‘Abbās hendaklah dibunuh sahaja. Sekarang, setelah kami ikut ajakan tuan hamba itu, tuan hamba sendiri hendak membangkang, dan tuan hamba tinggalkan kami berpegang teguh dengan ajakan dan nasihat tuan hamba.”

“Segala perkataanmu itu benar,” kata Abū Muslim “Akan tetapi keadaan kini telah berubah, dan saya tidak akan pegi ke Baghdād!”

“Lain daripada itu tidakkah ada lagi pesan

yang akan saya bawa?” tanya utusan itu.

Abū Muslim menjawab: “Tidak! Berangkatlah...”

“Sebelum saya berangkat,” kata utusan itu pula, “ada suatu pesan rahsia yang hendak saya sampaikan dari *Amīr al-Mu‘minīn*, akan tetapi mesti saya sampaikan di antara kita berdua sahaja.”

Mereka pun berundinglah antara empat mata sahaja.

Utusan itu menyampaikan pesan al-Manşūr:

“Wahai tuan hamba! Demikian bunyinya pesan khalīfah, jika Abū Muslim tidak mahu datang ke Baghdād, bukanlah saya ini berketurunan ‘Abbās, lepasilah saya dari keluarga Rasulullah, kalau bukan saya sendiri menjemputnya. Saya serahkan kepada hari depan apa yang akan terjadi.”

Mendengar itu termenung Abū Muslim, diangkatnya mukanya, dan berkata kepada utusan itu: “Kembalilah ke Baghdād dan saya menyusul.”

### **Perangkap**

Setelah utusan itu berangkat, bersiaplah Abū Muslim hendak berangkat pula. Dikumpulkannya tenteranya terlebih dahulu ditinggalkannya pesan: “Nanti bila saya telah pergi ke Baghdād, hendaklah tunggu surat dari saya. Kalau surat memakai cap cincin saya sendiri, hendaklah perhatikan cap itu. Jika cap itu merupakan seluruh cincin, tandanya itu bukan dari saya, akan tetapi jika capnya separuh cincin, itulah sebetulnya cap saya.”

Tetapi sebelum Abū Muslim sampai di Baghdād, al-Manşūr telah mengatur perangkap terlebih dahulu....

Mereka bertemu di “Madā’in”, iaitu bekas ibu

negeri Parsi di zaman dahulu kala. Kedatangannya disuruh  
sambut oleh al-Manşūr dengan segala kehormatan dan  
kebesaran. Setelah dia hadir di hadapan majlis  
al-Manşūr, mereka pun bersalam-salamanlah, dan Abū Muslim  
mencium tangan al-Manşūr sebagaimana yang beradat. Kemudian  
al-Manşūr menyuruh Abū Muslim ke khemahnya beristirahat,  
dan esok membolehkannya pula kembali datang menghadap.  
Setelah hari pagi, datanglah khadam menjemput Abū Muslim.

Dan sebelum itu, al-Manşūr telah membuat suatu  
perangkap. Disuruhnya beberapa orang khadam bersembunyi  
di balik tadbir dan di tangan masing-masing ada sebilah jambia,  
dan diperintahkannya, bila ia menepukkan tangannya hendaklah  
mereka keluar dari persembunyian dan terus membunuh  
Abū Muslim.

### **Terbunuh**

Abū Muslim pun datanglah. Baharu sahaja dia  
sampai di hadapan al-Manşūr, maka al-Manşūr langsung  
berkata: “Katakan kepada saya di mana engkau simpan  
pedang-pedang yang telah engkau rampas dari tangan ‘Abdullah bin  
‘Alī dalam peperangan yang baharu lalu, dan pedang itu  
ada dua.”

“Inilah sebilah ya *Amīr al-Mu‘minīn!*” kata  
Abū Muslim sambil memberikan pedang yang ada di tangannya. Pedang  
itu diambil oleh al-Manşūr, lalu diletakkan di bawah  
hampan tempat duduknya. Setelah itu dilancarkanlah  
bermacam-macam perkataan memaki-maki Abū Muslim. Abū Muslim  
dituduhnya telah melakukan berbagai-bagai kesalahan di dalam  
tugasnya. Tuduhan-tuduhan itu ditolak oleh Abū Muslim  
dengan berbagai-bagai alasan yang sungguh-sungguh. Akan tetapi  
sekuat ia membela dan mempertahankan diri, sebanyak

itu pulalah yang dilancarkan oleh al-Manşūr, akhirnya  
Abū Muslim tak tahan lagi, lalu berkata dengan tingginya,  
“Sebegitu banyak jasa yang telah saya perbuat dan  
saya berikan kepada kerajaan ini, rasanya tidaklah  
patut saya beroleh tuduhan-tuduhan yang demikian.” Kemarahan  
itulah yang ditunggu oleh al-Manşūr. Baharu itu yang  
diucapkan oleh Abū Muslim, al-Manşūr terus memotong  
dengan suara yang lebih keras dan lebih menghinakan  
musuhnya: “Hai anak hamba yang hitam! Demikian keras  
engkau bertutur kata di hadapanku, engkau sangka engkau  
berhadapan dengan hamba perempuan hina seperti engkau  
pula. Tidakkah engkau ingat, bahawa kemulian yang engkau  
peroleh hari ini, tidak lain hanyalah kerana limpah  
kurnia kami?”

“Jangan banyak cakap!” Abū Muslim menengking  
sekuat-kuat suaranya “Tidak ada tempat untuk saya  
takut kepada seorang pun di dunia ini, kecuali hanya  
Allah.”

Mendengar itu al-Manşūr menepuk tangannya, maka  
berlompatanlah khadam-khadam itu dari balik tadbir  
persembunyiannya, dan dengan serentak mereka menyerang  
Abū Muslim dengan jambia dan pedang yang ada pada mereka.

“Jangan saya dibunuh ya *Amīr al-Mu‘minīn!*  
Biarkanlah saya hidup untuk memerangi musuh-musuh  
tuan hamba sebagaimana selama ini.” Teriak Abū Muslim.  
Ketika itu, sedang darah telah mengalir dari tubuhnya.

“Siapa pulalah musuh yang lebih besar dari  
engkau?” Jawab al-Manşūr.

Jambia dan pedang itu pun ganti-berganti  
terus menikam tubuhnya, hingga jatuhlah pahlawan besar

itu, pendiri kerajaan ‘Abbāsiyyah. Pemusuh kerajaan Banī Umaiyyah, jatuh di bawah takhta yang didirikannya sendiri dengan keringat dan kepahlawannya.

Sementara itu masuklah pahlawan ‘Isā bin Mūsā, sambil bertanya” “Di manakah Abū Muslim ya *Amīr al-Mu‘minīn*?”

“Inilah Abū Muslim telah dibungkus dengan kulit kerbau!”

“Tuan hamba membunuh dia?” Tanya ‘Isā bin Mūsā.

“Ya...!”

“*Innā li‘Llāhi wa innā ilayhi rājiūn....* begitu besar jasanya kepada kita, begitu baik hasil pekerjaan dan usahanya terhadap kerajaan, sedang *Amīr al-Mu‘minīn* sendiri telah berjanji untuk memberinya keamanan, kini tuan hamba binasakan dia, bukankah itu akan membawakan akibat yang tidak baik bagi tuan hamba?” Kata ‘Isā bin Mūsā pula.

“Bodoh....! Siapa pulakah musuh Banī ‘Abbās yang lebih besar dari dia ini? Dapatkah kita menegakkan kekuasaan yang kukuh lagi kuat kalau orang ini masih hidup?” ‘Isā bin Mūsā terdiam.

#### **Kilat Emas Memadamkan Pemberontakan**

Perwira-perwira dan parajurit pasukan Abū Muslim sedang menunggu panglimanya di perkhemahan mereka. Oleh al-Manşūr tentera Abū Muslim ini disuruh berikan hadiah

emas seorang sepundi-sepundi. Kilat emas yang banyak itu, telah dapat mencairkan hati waja mereka. Mereka merasa berhutang budi kepada al-Manşūr, seorang khalifah yang sangat pemurah, yang dengan suka hati memberi hadiah harta yang belum pernah mereka punyai selama hidup. Berkat hadiah itu, maka pemberontakan yang mungkin ditimbulkan oleh mereka disebabkan kematian panglima mereka, telah dapat dihalangi.

Mengikut kata seorang periwayat:

“Adalah al-Manşūr seorang khalifah Banī ‘Abbās yang mula-mula meninggalkan contoh bagi anak cucunya bagaimana memungkiri janji, kerana al-Manşūr pernah berjanji tidak akan membunuh Abū Muslim, akan tetapi ternyata al-Manşūr memungkiri janjinya itu.

*Sudah terbit!*

Pengajian

### ***KESAH PELAYARAN***

***ABDULLAH MUNSHI***

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh:

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.